Falsafah Ilmu Islam dalam Aplikasi Praktikal

Wan Adli Wan Ramli[1]
Mohamad Kamil Hj Ab Majid[2]

Abstrak

Falsafah ilmu dalam Islam bukan suatu perkara teoretikal dan konseptual semata-mata yang tidak boleh diaplikasikan secara praktikal untuk faedah kesejahteraan manusia. Walau bagaimanapun, bentuk pengaplikasian falsafah ilmu dalam kehidupan mungkin kelihatan kabur bagi sesetengah orang. Berlatarbelakangkan cabaran ini, makalah ini membentangkan asas falsafah ilmu, khususnya aspek takrifnya, seperti yang dapat dinukilkan daripada tokoh ulama Melayu masyhur iaitu Dāwūd bin Wān ʻAbd Allāh al-Faṭānī dan Zayn al-ʻĀbidīn bin Muḥammad al-Faṭānī. Seterusnya, perbincangan merumuskan perkara-perkara asas yang menjadi tunjang konsep ilmu menurut Islam agar seterusnya dapat diaplikasikan dalam konteks kehidupan. Pengaplikasian yang dilakukan mengambil contoh pemilikan harta dan hubungan sesama manusia agar dapat dilihat dengan jelas dan terang bentuk kegunaan falsafah ilmu dalam hidup ini. Berdasarkan perbincangan ini, dapat ditonjolkan kepentingan falsafah ilmu kepada kesejahteraan manusia. Penonjolan ini bermanfaat agar falsafah ilmu tidak diabaikan begitu sahaja, yang boleh mengakibatkan kerosakan dalam hidup di dunia dan Akhirat.

Kata kunci: falsafah ilmu Islam, epistemologi Islam, takrif ilmu, aplikasi falsafah, falsafah praktis, teks Jawi

Islamic Philosophy of Knowledge in Practical Application

Abstract

Philosophy of knowledge as Islam perceives it is not only a theoretical and conceptual matter without any applicable and practical benefit for human well-being. However, the application of philosophy in real life may be unclear for some. Against this background, this article exposes the fundamental of philosophy of knowledge, particularly the aspect of definition, with special reference to such well-known Malay scholars as Dāwūd bin Wān ʻAbd Allāh al-Faṭānī and Zayn al-ʻĀbidīn bin

[1] Wan Adli Wan Ramli, MUs, adalah felo pelatih akademik di Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

[2] Mohamad Kamil Hj Ab Majid, PhD, adalah Felo Penyelidik di Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Muḥammad al-Faṭānī. From their exposition, this discussion summarises the basic principles of knowledge according to Islam, so as these understanding could be applied practically within real life context. The application then is made in the case of possessing properties and everyday interaction so that it could be seen clearly. Finally, this article highlights the significance of philosophy of knowledge for human, otherwise its negligence could result in worldly and eternal loss.

Keywords: *Islamic philosophy of knowledge, Islamic epistemology, definition of knowledge, application of philosophy, practicing philosophy, Malay-Jawi text*

Pendahuluan

Dalam tradisi pemikiran Islam, falsafah merupakan suatu disiplin penting dan bermanfaat yang telah menyumbang kepada kompleksiti dan kedinamikan peradaban Islam sepanjang zaman. Namun, falsafah sentiasa berhadapan dengan cabaran pemikiran simplistik yang menolak atau sekurang-kurangnya menafikan kegunaannya. Antaranya, falsafah dianggap sebagai suatu disiplin yang membincangkan perkara-perkara teoretikal dan konseptual yang abstrak dan terawang-awang semata-mata. Lebih buruk lagi, bidang ilmu ini diandaikan tidak mempunyai aspek kegunaan langsung.

Salah faham ini boleh membawa kepada kerugian bagi ummah dalam usaha membina peradaban yang lebih kompleks dan dinamik, khususnya dalam konteks menangani cabaran pemikiran modenisme dan pasca-modenisme. Hal ini disebabkan falsafah Islam terbina daripada kefahaman yang menyeluruh terhadap konsep ilmu, malah perbahasan yang lengkap terhadap konsep dan hakikat ilmu merupakan sebahagian daripada disiplin perbincangan falsafah.

Malah, dalam tradisi pengajian Islam, khususnya dalam pengajian akidah, pengukuhan asas ilmu dan ilmiah untuk akal insan telah mengambil manfaat daripada perbincangan falsafah ilmu atau epistemologi seperti yang difahami oleh para ulama dan ahli falsafah Muslim. Menyedari sejarah, khazanah dan tradisi intelektual ini, perlu seterusnya dilengkapkan lagi dengan kefahaman sudut aplikasi praktikal bagi falsafah ilmu Islam.

Falsafah Ilmu menurut Islam

Falsafah ilmu atau epistemologi merupakan suatu bidang perbahasan yang membincangkan perihal ilmu. Antara aspek ilmu yang dibincangkan dalam disiplin falsafah ilmu adalah takrif ilmu, sumber, pembahagian, hierarki, tabiat dan kegunaannya.[3] Semua perbincangan ini bertujuan untuk mendalami dan memperincikan hakikat ilmu, agar diketahui apakah sebenarnya ilmu. Dengan kata lain, falsafah ilmu adalah suatu bidang ilmu mengenai ilmu.

Hal ini sesuai dengan konsep falsafah itu sendiri yang dalam tradisi pengajian Islam biasanya ditakrifkan falsafah sebagai mengetahui sesuatu pada hakikatnya, atau mengetahui sesuatu sebagaimana ianya.[4] Dalam konteks falsafah ilmu, sesuatu yang hendak diketahui itu ialah ilmu itu sendiri. Oleh itu, berdasarkan pengertian ini, falsafah ilmu boleh ditakrifkan sebagai suatu pengetahuan mengenai ilmu sebagaimana hakikat ilmu itu sendiri. Maka, ia adalah ilmu mengenai ilmu.

Dalam pada itu, perlu disedari bahawa falsafah merupakan hasil tradisi pemikiran manusia yang telah sedia ada sebelum Rasulullah lagi. Maka tidak dapat dinafikan bahawa ilmu falsafah adalah ilmu yang datang daripada luar, secara khususnya daripada peradaban Greek kuno. Pada masa kini pula, bidang falsafah telah dikembangkan, bukan sahaja oleh ahli falsafah Muslim, malah oleh ahli falsafah lain, sama ada yang Barat atau Timur. Akibatnya, pemikiran falsafah itu ada yang Islamik, dan ada yang tidak Islam.

Berdasarkan kesedaran ini, makalah ini akan melihat kepada pendirian falsafah Islam sahaja dalam meneliti hakikat ilmu. Maksudnya, makalah ini bukan suatu perbincangan perbandingan mengenai falsafah ilmu antara pelbagai aliran falsafah yang ada. Dalam kerangka khusus sebegini, elok ditonjolkan bahawa perbincangan mengenai ilmu dalam Islam tidak semuanya bersifat falsafah dan kefalsafahan. Sebaliknya, banyak pengajaran Islam mengenai ilmu dan perihal keilmuan adalah berdasarkan nas

---

[3] Osman Bakar, "Beberapa Aspek Falsafah Ilmu: Konsep, Definisi, Pengelasan dan Penggunaan," *Kesturi: Jurnal Akademi Sains Islam Malaysia* 5, no. 2 (Disember 1995), hh. 7-25, 16.

[4] Abū Yūsuf Ya'qūb bin Isḥāq al-Ṣabbāḥ al-Kindī, *Fī al-Falsafah al-Ūlā*, dalam ed. Muḥammad 'Abd al-Hādī Abū Rīdah, *Rasā'il al-Kindī al-Falsafiyyah* (al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-'Arabī, 1950), 97; Muḥammad 'Aqīl bin 'Alī al-Mahdilī, *Madkhal ilā al-Falsafah* (al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 1993), 85.

wahyu yang jelas, sama ada daripada kenyataan al-Qur'an atau al-Hadith.

Contohnya, wahyu Islam mengajar dengan terperinci hakikat kemuliaan ilmu dan orang yang berilmu iaitu ulama.[5] Demikian juga, Islam juga mengajar mengenai kedudukan ilmu berbanding perkara-perkara lain seperti harta kekayaan, pangkat kedudukan, malah berbanding amal ibadat.[6] Sama halnya, Islam mengajar mengenai tanggungjawab manusia terhadap ilmu, seperti kewajipan mempelajari beberapa bidang ilmu yang dikategorikan sebagai ilmu fardu 'ain dan ilmu fardu kifayah.

Berbeza daripada tema-tema khusus tersebut, disiplin falsafah ilmu membincangkan perkara-perkara yang tidak mempunyai panduan langsung dan jelas daripada wahyu. Dalam pada itu, pendekatan yang diambil adalah pendekatan kefalsafahan dengan meneliti perkaitan aspek-aspek yang dibincangkan dengan aspek-aspek lain yang telah diberikan panduan langsung dan jelas melalui wahyu. Perbincangan kefalsafahan ini juga mengambil pengajaran daripada hasil pemikiran tokoh-tokoh falsafah silam dan semasa, sama ada yang Muslim atau tidak.

Pengiktirafan sumber luar daripada Islam dalam perbincangan falsafah ilmu menurut Islam, bukan suatu pengakuan bahawa ajaran wahyu Islam masih belum lengkap, lalu terpaksa ditampung dengan pemikiran falsafah asing. Sebaliknya, mengambil pengajaran daripada falsafah asing adalah suatu petanda keanjalan paradigma Islam untuk mengiktiraf hasil sumbangan akliah manusia yang bernilai untuk kesejahteraan manusia sendiri. Dalam hal ini, Abū 'Īsā Muḥammad bin 'Īsā al-Tirmidhī ada merekodkan sebuah Hadith gharib yang menyatakan,

[5] Al-Qur'an, al-Mujādalah (58):11. Terjemahan: "… Allah mengangkat darjat orang yang beriman dan orang yang dikurniakan ilmu dengan beberapa darjat..."

[6] Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (al-Qāhirah: Dār al-Sha'b, t.t.), 8.

الكَلِمَةُ الْحِكْمَةُ ضَالَّةُ الْمُؤْمِنِ، فَحَيْثُ وَجَدَهَا فَهُوَ أَحَقُّ بِهَا.[7]

Terjemahan: Kalimah hikmah adalah barang kehilangan orang Mukmin, apabila dia menemuinya maka dia berhak terhadapnya.

Sebelum diteruskan perbincangan, perlu diakui bahawa tahap kesahihan Hadith ini dipertikaikan oleh kalangan ulama, sehingga ada yang menganggapnya sebagai *ḍa'īf jidd* atau terlalu daif. Begitu pun, jika diteliti dari sudut pengajaran maknanya, mengambil pengajaran yang baik boleh sahaja diterima daripada sesiapa sahaja. Dalam konteks ini, ketika menghuraikan pengajaran daripada Hadith ini, Muḥammad 'Abd al-Raḥmān bin 'Abd al-Raḥīm al-Mubārakfūrī menukilkan bahawa "kalimah hikmah" juga bererti sesuatu yang maknanya bernas dan dalam berdasarkan penilaian naqliah dan akliah serta bebas daripada keraguan dan kesalahan.[8] Di sini, dapat diambil pengajaran bahawa Islam boleh menerima pemikiran akliah yang bernas dan dalam, yang boleh disandarkan kepada pemikiran falsafah termasuk falsafah ilmu.

Oleh itu, perbincangan falsafah ilmu menurut Islam tidak semestinya memerlukan petikan daripada nas al-Qur'an atau al-Hadith untuk menjadikannya sesuatu yang Islamik. Berdasarkan keinsafan ini, disedari bahawa perbincangan mengenai takrif ilmu secara khususnya, tidak perlu merujuk kepada mana-mana nas yang mendefinisikan ilmu. Demikianlah yang dapat dilihat dalam perbincangan mengenai takrif ilmu yang telah dibuat oleh para ulama.

Walau bagaimanapun, dalam pembentangan makalah ini seterusnya, rujukan kepada ulama akan dibuat untuk menunjukkan bahawa disiplin falsafah ilmu bukan sesuatu yang asing dalam tradisi kesarjanaan Islam. Malah perbincangan mengenai takrif ilmu telah dibuat oleh para ulama dalam rangka membahaskan asas-asas utama akidah Islam. Ini menunjukkan bahawa falsafah

---

[7] Abū 'Īsā Muḥammad bin 'Īsā al-Tirmidhī, *Jāmi' al-Tirmidhī*, dalam ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh, *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah* (al-Riyāḍ: Dār al-Salām, 2000), 1923, Hadith nombor 2687, al-mu'jam 19, Bāb fī Faḍl al-Fiqh 'alā al-'Ibādah, Kitāb al-'Ilm.

[8] Muḥammad 'Abd al-Raḥmān bin 'Abd al-Raḥīm al-Mubārakfūrī, *Tuḥfah al-Aḥwadhī bi-Sharḥ Jāmi' al-Tirmidhī*, ed. 'Abd al-Raḥmān Muḥammad 'Uthmān (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1979), 7:459.

ilmu dalam Islam merupakan sebahagian daripada bidang besar Usuluddin.

Takrif Ilmu menurut Ulama Melayu

Ketika membentangkan dasar akidah Islam, Dāwūd bin Wān ‘Abd Allāh al-Faṭānī (1183H – 1265H), yang boleh dikatakan sebagai ulama Melayu paling masyhur, secara panjang lebar menyatakan,

> Bermula hakikat makrifat itu iaitu *al-jazm al-muwāfiq li ’l-ḥaqq ‘an dalīl*, jazam yang muafakat bagi hak dengan dalil. Maka keluar dengan jazam itu “syak” dan “zan” dan “waham”. Maka makna syak itu *taraddud* antara dua pekerjaan bersamaan keduanya, tiada lebih salah suatu daripada taulannya. Dan zan itu berat sebelah adanya, ringan akan tiada. Dan waham itu berat sebelah tiada, ringan sebelah adanya. Maka bahawasanya ketika itu tiada dinamakan makrifat dan tiada memadai pada barang yang dituntut daripada mukalaf bahawa ia iktikad pada hak Allah Taala dan pada hak segala rasul *‘alayhim al-salāt wa al-salām*. Dan keluar pula dengan *al-muwāfiq li ’l-ḥaqq* jazam yang tiada muafakat bagi hak, maka bahawasanya tiada dinamakan dia makrifat, tetapi dinamakan jahil murakab; seperti jazam Nasara dengan tiga Tuhan, yakni berkata mereka itu bahawasanya Allah yang menigakan yang tiga, salah satu daripadanya dinamakan Bapa dan satunya Anak iaitu ‘Īsā dan satunya Ibu iaitu Maryam; dan jazam Majusi dua Tuhan, satunya asing ia dengan mengerjakan kebajikan, maka namanya *yazdān wa al-nūr*, dan iaitu Allah dan kerana itulah berkekalan mereka itu menyalakan api, dan yang satunya pula asing ia dengan berbuat kejahatan, dan dinamakannya *ahraman al-ẓulmah*, dan iaitu syaitan, dan tiada mengetahui mereka itu akan nabi dan tiada baginya kitab yang diturunkan. *Qātalahum Allāh annā yu’fakūn*, telah membunuh akan mereka itu oleh Taala, betapa ia menuduh mengada yang tiada, surah al-Munāfiqūn, ayat 4. Dan keluar pula dengan *‘an dalīl*, jazam yang muafakat tiada dengan dalil, maka dinamakan dia taklid dan tiada dinamakan makrifat. Dan erti taklid itu bahawa mengikut ia akan orang pada perkataannya atau pada iktikadnya, tiada ia mengetahui dengan dalilnya. Maka adalah taklid itu tiada harus pada ilmu

> Usuluddin lagi haram, dan pada ilmu Fiqah itu fardu ain, seperti kita taklid bagi salah satu daripada imam yang empat, maka tiada harus ijtihad pada masalah *fiqhiyyah*.[9]

Sementara itu, Zayn al-ʻĀbidīn bin Muḥammad al-Faṭānī (1830-an – 1910-an), atau dikenali juga dengan panggilan Tuan Minal, seorang lagi ulama Melayu termasyhur, menyatakan,

> Bermula makna pengetahuan itu iaitu mendapat akan sesuatu berbetulan dengan hakikatnya. Bermula kaul yang sebenar bahawasa ilmu dan makrifat itu bersamaan keduanya, melainkan bahawasanya diitlakkan atas Allah Taala itu "alim", tiada harus diitlakkan atasNya "arif", kerana bahawa makrifat itu menyeru ia akan mendahulukan jahil bersalahan ilmu. Dan keluar dengan kata pengetahuan itu empat perkara. Pertama, jahil iaitu terbahagi ia atas dua bahagi; pertama, jahil basit namanya iaitu tiada mengetahui sekali-kali, seperti dikata orang baginya, "Apa kata engkau alam ini qadimkah atau baharu?" Maka jawab ia, "Tiada aku ketahui sekali-kali,"; kedua, jahil murakab namanya iaitu mendapat atas bersalahan sifatnya pada *wāqiʻ* dan dinamakan dia dengan demikian itu kerana bersusunannya daripada dua jahil; pertama, jahil empunyanya dengan barang yang pada *wāqiʻ*; kedua, jahilnya dengan bahawasanya dirinya jahil kerana sangkanya bahawasanya ia yang mengetahui seperti iktikad *falāsifah* bahawasa alam ini qadim. Dan yang kedua daripada perkara yang terkeluar daripada pengetahuan itu "syak", iaitu mendapatkan tiap-tiap daripada dua ternafi itu atas bersamaan. Dan yang ketiga "zan", iaitu berat pada hatinya itu mengetahui dan ringan pada hatinya tiada mengetahui. Dan yang keempat "waham", iaitu ringan pada hatinya pada mengetahui dan berat pada hatinya pada tiada mengetahui. Maka orang yang bersifat dengan salah suatu daripada empat perkara ini tiada bagi mereka itu iman. Ertinya jikalau adalah ia iktikad akan Allah dan akan RasulNya dengan jahil atau dengan syak atau dengan zan atau dengan waham. Maka orang itu kafir. Adapun orang taklid, yakni iktikad kepada Allah dan Rasul itu semata-mata ikut perkataan orang jua,

[9] Daud bin Abdullah al-Fathani, *al-Durru al-Thamin: Permata yang Indah*, dirumikan oleh Noraine Abu dan Mashadi Masyuti (Batu Caves: Al-Hidayah, 2011), 30-31.

> maka ikut itu tiada dalil padanya, padahal jazam ia akan taklidnya itu, maka bersalahan ulama pada sah imannya. Maka kata setengah, kafir ia, iaitu daif. Dan kata setengah, mukmin, iaitu yang muktamad.[10]

Seterusnya, di suatu tempat lain, Zayn al-ʻĀbidīn al-Faṭānī menjelaskan lagi secara terperinci dengan menyatakan,

> Makrifat dan ilmu itu bersamaan keduanya, ertinya satu makna keduanya. Dan iaitu jazam yang muafakat bagi yang sebenar daripada dalil. Maka makna jazam itu pegangan yang yakin, maka keluar dengan jazam itu tiga perkara. Pertamanya, "syak" iaitu mendapat tiap-tiap daripada dua *ṭaraf* itu atas bersamaan. Dan kedua, "zan" dan iaitu mendapat akan *ṭaraf* yang *rājiḥ*, yakni berat hatinya pada mengetahui dan ringan hatinya pada tiada mengetahui. Dan ketiga, "waham" iaitu ringan hatinya pada mengetahui dan berat hatinya pada tiada mengetahui. Dan keluar dengan kata "muafakat bagi yang sebenar" itu jazam yang tiada muafakat bagi yang sebenar. Maka bahawasanya tiada dinamakan dia makrifat dan hanyasanya dinamakan dia jahil murakab; seperti jazam Nasara dengan menigakan Tuhan, yakni berkata mereka itu bahawasa Allah itu salah seorang daripada tiga Tuhan dan iaitu Bapa, dan dua lagi Anak dan iaitu ʻĪsā, dan Ibu dan iaitu Maryam; dan seperti jazam Majusi dengan bahawa Tuhan itu dua, satu nur, kedua *ẓulmah*, maka nur itu Tuhan yang berbuat kebajikan, dan *ẓulmah* itu Tuhan yang berbuat kejahatan. Dan keluar dengan kata "daripada dalil" itu jazam yang muafakat bagi yang sebenar tetapi tiada daripada dalil. Maka bahawasanya dinamakan dia taklid dan tiada dinamakan makrifat dan tiada dinamakan ilmu. Dan orang yang bersifat dengan salah suatu daripada yang empat dahulu itu pada suatu daripada *ʻaqā'id* yang lagi akan datang, maka iaitu kafir dengan ittifak. Dan murad dengan empat yang dahulu itu iaitu syak dan zan dan waham dan jahil, seperti barang yang telah lalu sebutnya. Dan adapun orang yang bersifat dengan yang akhir itu dan iaitu taklid, maka ikhtilaf ulama. [...] Dan bermula kaul yang *rājiḥ* bahawasanya Mukmin yang derhaka jikalau ada ia kuasa atas

[10] Zainul Abidin bin Muhammad al-Fathani, *Aqidatun Najin*, dirumikan oleh Noraine Abu (Batu Caves: Al-Hidayah Publications, 2011), 13-14.

> dalil seperti yang cerdik; dan Mukmin yang tiada derhaka jikalau tiada ada ia kuasa atasnya seperti orang yang bodoh. [...] Dan hasilnya yang dinamakan makrifat itu tiga *qā'id*; yang pertama jazam; kedua muafakat dengan yang sebenar; dan ketiga dengan dalil. Tetapi telah lalu sebutnya bahawasa dalil yang dituntut atas mukalaf itu dalil *jumlī* jua dan iaitu lemah ia daripada menetapkan dalil dan lemah ia daripada menghuraikan syubhah. Dan sekurang-kurang dalil *jumlī* itu apabila ditanya orang baginya, "Apa dalil tanda ada Allah Taala?" Maka jawab ia, "Makhluk ini."[11]

Nukilan panjang lebar daripada kitab jawi atau kitab kuning di atas, bertujuan untuk menonjolkan bahawa perbahasan mengenai falsafah ilmu ada dimuatkan dalam tradisi pengajian akidah Islam di Alam Melayu. Dengan itu, dapat disedari bahawa perbincangan mengenai falsafah ilmu berada di kedudukan yang paling tinggi dalam bidang-bidang keagamaan Islam, jika dapat diterima bidang akidah, syariah dan akhlak sebagai tiga tiang seri agama. Tanpa pengetahuan mengenai hakikat ilmu seperti dibentangkan di atas, maka tidak dapat ditashihkan kesejahteraan pengetahuan kaum Muslimin mengenai akidah, syariah, akhlak dan seluruh agama mereka.

Tiga Rumusan Takrif Ilmu

Berdasarkan kutipan di atas yang dengan jelas dan terang menghuraikan beberapa aspek perihal ilmu menurut Islam, dapat dikemukakan suatu rumusan menyeluruh mengenai ciri ilmu dalam Islam. Dalam konteks makalah ini, tiga rumusan utama dipilih untuk dianalisis dengan lebih mendalam, iaitu merujuk kepada tiga elemen atau komponen asas yang membina konsep ilmu menurut Islam, yang dikeluarkan bersumberkan definisi ilmu yang diberikan oleh ulama. Tiga perkara tersebut ialah yakin, tepat dan hujah.

Tiga unsur ini dapat diperhatikan secara langsung dalam definisi-definisi ilmu yang dikemukakan. Jika diteliti kembali, definisi ilmu menurut Dāwūd al-Faṭānī ialah "jazam yang muafakat bagi hak dengan dalil,"[12] manakala menurut Zayn al-'Ābidīn al-Faṭānī pula, ilmu ialah "mendapat akan sesuatu

---

[11] Zainul Abidin al-Fathani, *Aqidatun Najin*, 33-35.
[12] Daud al-Fathani, *al-Durru al-Thamin*, 30.

berbetulan dengan hakikatnya,”[13] dan juga “jazam yang muafakat bagi yang sebenar daripada dalil.”[14] Berdasarkan tiga definisi ini, unsur yakin dapat diambil daripada istilah “jazam” yang ada dalam definisi berkenaan. Manakala unsur tepat pula merujuk kepada ungkapan “muafakat bagi hak,” “berbetulan dengan hakikat,” dan “muafakat bagi yang sebenar.” Seterusnya, unsur bukti adalah daripada istilah “dalil.”

Secara perbandingan dengan lebih mendalam, boleh juga dilihat beberapa definisi ilmu seperti yang dikumpulkan oleh Abū al-Hasan ‘Ali bin Muhammad al-Jurjāni. Antaranya, ilmu didefinisikan sebagai:

1) الاعتقاد الجازم المطابق للواقع؛ 2) إدراك الشيء على ما هو به؛

3) حصول صورة الشيء في العقل؛ 4) وصول النفس إلى معنى الشيء.[15]

Terjemahan: i) iktikad yang jazam yang bertepatan dengan realiti; ii) kognisi terhadap sesuatu sebagaimana ianya; iii) terhasil gambaran mengenai sesuatu dalam akal; dan iv) diri sampai kepada makna sesuatu.

Dalam senarai definisi di atas, elemen yakin dapat diperhatikan dengan jelas dalam definisi pertama, manakala elemen tepat dapat dilihat dalam definisi yang lain. Daripada definisi ketiga dan keempat ini juga, Syed Muhammad Naquib al-Attas memberikan definisi ilmu menurutnya yang diungkapkan semula sebagai ketibaan makna sesuatu pada diri dan berhasilnya

---

[13] Zainul Abidin al-Fathani, *Aqidatun Najin*, 13.

[14] Zainul Abidin al-Fathani, *Aqidatun Najin*, 33.

[15] Abū al-Hasan ‘Ali bin Muhammad al-Jurjāni, *al-Ta‘rīfāt* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000), 157, entri *al-‘ilm*. Bandingkan juga dengan definisi oleh Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī dan Fakhr al-Dīn Muḥammad bin ‘Umar al-Rāzi dalam Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *al-Risālah al-Ladunniyyah*, dalam *Majmū‘ah Rasā’il al-Imām al-Ghazālī* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), hh. 3:57-74, 3:58; dan Fakhr al-Dīn Muḥammad bin ‘Umar al-Rāzi, *al-Kāshif ‘an Usūl al-Dalā’il wa Fuṣūl al-‘Ilal* (Bayrūt: Dār al-Jīl, 1992), 20. Lihat juga koleksi definisi ilmu dalam khazanah ilmiah Islam dalam Franz Rosenthal, *Knowledge Triumphant: the Concept of Knowledge in Medievel Islam* (Leiden: Brill, 2006), 52-69; Franz Rosenthal, *Keagungan Ilmu*, terj. Syed Muhammad Dawilah Syed Abdullah (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1997), 56-68; dan ringkasannya dalam Osman, “Beberapa Aspek Falsafah Ilmu,” 10-14.

diri menyerapinya.[16] Penekanan kepada ketibaan atau keberhasilan atau kesampaian gambaran dan makna sesuatu dalam diri boleh difahami sebagai memenuhi elemen ketepatan tasawur atau konsepsi mengenai sesuatu yang ada dalam diri orang yang mengetahui terhadap benda yang diketahuinya.

Perbandingan yang ditunjukkan di sini, memberi pengajaran bahawa para ulama dan ahli falsafah Muslim, sama ada dari dunia Arab atau alam Melayu, mempunyai pemikiran yang bersepadu mengenai ilmu. Ini juga menunjukkan perbincangan mengenai falsafah dan hakikat ilmu memang ada dalam tradisi dan khazanah intelektual Islam. Maka, perbincangan kefalsafahan mengenai ilmu adalah sesuatu yang diterima dan penting kepada pengajian Islam itu sendiri.

Perbincangan analitis dan komparatif terhadap definisi ilmu dalam Islam membawa kepada rumusan bahawa sekurang-kurangnya ilmu boleh ditakrifkan sebagai pengetahuan yang mencapai tahap yakin mengenai sesuatu sebagaimana hakikat sesuatu itu berdasarkan hujah. Selain itu, boleh dirumuskan bahawa sekurang-kurangnya ada tiga aspek asasi yang ditekankan dalam konsep ilmu menurut Islam. Dalam gambaran yang lebih mudah, rumusan ini boleh disusun dalam perbincangan seperti di bawah.

i. Yakin, tanpanya sesuatu pengetahuan turun ke tahap zan, syak, waham atau jahil. Istilah yakin itu sendiri didefinisikan sebagai kepercayaan terhadap sesuatu bahawa ia adalah begini atau begitu, dan dalam masa yang sama kepercayaan tersebut menolak kemungkinan sesuatu itu boleh jadi selain daripada gambaran sebegini atau sebegitu, yang mana gambaran tersebut sebenarnya bertepatan dengan realiti hakikatnya.[17]

---

[16] Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Risalah untuk Kaum Muslimin* (Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran Dan Tamadun Islam, 2001), 122. Lihat juga halaman 51-52. Lihat juga Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Prolegomena to the Metaphysics of Islam* (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization, 1995), 133; Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism* (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization, 1993), 161; dan Wan Mohd Nor Wan Daud, *Masyarakat Islam Hadhari* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2006), 46-57.

[17] Al-Jurjāni, *al-Ta'rīfāt*, 255, entri *al-yaqīn*.

Dalam perbincangan yang lebih mendalam, konsep keyakinan dalam Islam secara tradisinya telah dipecahkan oleh para ulama kepada tiga tahap yang berbeza. Tiga tahap tersebut, daripada yang paling rendah ialah; pertamanya, tahap pengetahuan secara yakin atau *'ilm al-yaqīn*; keduanya, keyakinan mata atau *'ayn al-yaqīn*; dan ketiganya yang paling tinggi ialah keyakinan hakiki atau *ḥaqq al-yaqīn*. Ketiga-tiga tahap ini, biasanya dibezakan dengan suatu perumpamaan; bahawa pengetahuan secara yakin itu seperti maklumat mengenai kepanasan api yang diperolehi daripada pemberitahuan umum; seterusnya bahawa keyakinan mata itu seperti melihat sendiri kepanasan api apabila ia membakar sesuatu; dan seterusnya bahawa keyakinan hakiki itu seperti merasai sendiri kepanasan api apabila terkena api yang membakar kulit sendiri.

Dalam aplikasi praktikal, kefahaman ini boleh membezakan pengetahuan Muslim secara umumnya dengan andaian puak skeptik yang ragu kepada ajaran Islam. Memang tidak semua Muslim kini mengetahui mengenai ajaran agamanya secara yakin yang hakiki, seperti pengetahuan Rasulullah S.A.W. yang antara lain mengalami sendiri pengalaman menerima wahyu. Namun, Muslim tahu dan yakin mengenai mesej wahyu tersebut bersumberkan perkhabaran yang sahih melalui para ulama yang menyampaikan ajaran Islam daripada Rasulullah S.A.W. Manakala andaian puak skeptik mengenai mesej Islam yang sempurna tidaklah bersumberkan keyakinan mereka kepada Rasulullah S.A.W. atau para ulama.

Bertentangan dengan tahap pengetahuan secara yakin, ia boleh berubah dan menurun menjadi zan, syak, waham dan jahil.

a. Zan, iaitu pengetahuan yang "berat sebelah adanya [jazam], ringan akan tiada [jazam],"[18] seperti menurut Dāwūd al-Faṭānī. Zan juga ialah "berat pada hatinya itu mengetahui dan ringan pada hatinya tiada mengetahui,"[19] atau "mendapat akan *ṭaraf* yang *rājiḥ*, yakni berat hatinya pada mengetahui dan ringan hatinya pada tiada mengetahui,"[20] seperti menurut Zayn al-'Ābidīn al-Faṭānī. Secara perbandingan, zan juga didefinisikan

[18] Daud al-Fathani, *al-Durru al-Thamin*, 30.
[19] Zainul Abidin al-Fathani, *Aqidatun Najin*, 14.
[20] Zainul Abidin al-Fathani, *Aqidatun Najin*, 33.

sebagai mempercayai sesuatu berdasarkan satu pandangan atau pendapat yang rajih, tetapi masih menyimpan dan tidak membuang pandangan atau pendapat yang kedua atau yang seterusnya.[21]

Dalam aplikasi kefahaman ini secara praktikal, pengetahuan secara zan atau *ẓannī* berlaku apabila hati seseorang yang ingin mengetahui tidak yakin sepenuhnya terhadap gambaran terhadap sesuatu yang sampai kepadanya. Di sini, perkara yang mungkin menjadi titik perbincangan adalah soal keyakinan hati, bukan semata-mata sampainya pengetahuan kepada seseorang. Dengan itu, dapat difahami definisi Dāwūd al-Faṭānī yang menggunakan istilah jazam atau keyakinan. Sementara dalam definisi Zayn al-ʻĀbidīn al-Faṭānī, frasa yang digunakan adalah "berat hati" atau "ringan hati", yang juga menunjukkan kepada persoalan keyakinan.

Dengan kata lain, zan adalah apabila hati lebih yakin atau berat, sama ada untuk membenarkan atau mendustakan, daripada keadaan hati yang lebih kepada tidak yakin atau ringan, sama ada untuk membenarkan atau mendustakan.[22] Pertimbangan dan perimbangan hati ini; sama ada untuk lebih yakin dan berat menerima atau menolak, atau untuk lebih tidak yakin dan ringan hati menerima atau menolak; atau untuk menjadi berbolak-balik atau *taraddud* dalam menerima dan menolak; yang menjadikan status sesuatu pengetahuan itu sama ada berada pada tahap zan, syak atau waham.

Selain itu, dalam suatu lagi konteks yang mungkin juga boleh diaplikasikan konsep zan ini secara praktikal, keadaan pengetahuan secara zan ini juga boleh berlaku apabila usaha untuk mengetahui sesuatu menemukan dua atau lebih pendapat yang berbeza, yang tidak boleh diselaraskan secara mutlak, sedangkan semua pilihan pendapat tersebut berdiri atas hujah yang boleh diterima kedua-duanya. Dalam keadaan ini, apabila hati lebih berat untuk menerima satu pilihan pendapat, tanpa menafikan atau menolak terus pendapat lain, maka pegangan pengetahuan yang sedemikian berada pada tahap zan.

---

[21] Al-Jurjāni, *al-Taʻrīfāt*, 147, entri *al-ẓann*.

[22] Ismaʻil bin Abdul Qadir al-Fathani, *Syarah Bakurah al-Amani* (Batu Caves: Al-Hidayah, 2013), 25, nota 54, "... sama ada jangkaan itu nafi atau isbat..."

Pengetahuan secara zan mempunyai kedudukan dan fungsi dalam Islam. Hal ini disebabkan kebanyakan pengetahuan mengenai hukum-hakam agama berada pada tahap ini. Contohnya, pengetahuan mengenai hukum batal wuduk apabila bersentuhan bagi bukan mahram berlainan jantina yang menjadi pegangan mazhab Shāfi'ī. Hukum batal tersebut diketahui secara zan kerana melibatkan tafsiran oleh Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi'ī terhadap dalil-dalil yang ada; yang ditafsirkan secara berbeza pula oleh tokoh mujtahid lain, malah tafsiran dan penghujahan mereka diterima oleh sebahagian besar ulama dan ummah Muslimin, lalu menghasilkan pendapat dan hukum lain yang menjadi pegangan mazhab lain pula. Dalam masa yang sama, pengetahuan dan pegangan seperti dalam mazhab Shāfi'ī tidak pula menuntut penafian dan penolakan pendapat mazhab lain. Hal ini disebabkan kesedaran ummah bahawa perkara ini adalah pengetahuan secara zan, yang tidak melibatkan penolakan pendapat lain.

Walau bagaimanapun, jika ada orang yang menganggap pengetahuannya mengenai hukum terbatal wuduk tersebut adalah berada pada tahap yakin yang muktamad dan putus atau *qaṭ'ī*, secara langsung, orang tersebut pada dasarnya telah menolak sebarang pendapat lain. Berikutan itu juga, orang tersebut pada dasarnya sedang menganggap pegangan kepada hukum tidak terbatal wuduk yang menjadi tafsiran mazhab lain sebagai sesuatu yang terkeluar daripada ajaran Islam. Dengan kata lain, orang itu pada dasarnya meletakkan label bidaah ke atas tafsiran mazhab lain.

Ini adalah akibat langsung pengabaian terhadap kefahaman yang benar mengenai konsep yakin dan zan, yang menjadi perbincangan dalam falsafah ilmu menurut Islam. Di sini, dapat dilihat faedah praktikal bagi falsafah ilmu Islam dalam mengelak berlakunya sikap taasub dan ekstrem sehingga meletakkan label bidaah, malah mungkin kufur, ke atas orang atau golongan Muslim lain, sedangkan persoalan yang diperdebatkan merupakan perkara zan yang boleh diijtihadkan secara berbeza. Sebaliknya, aplikasi falsafah ilmu Islam dalam hal ini boleh membawa kepada sikap beradab dalam perbezaan

pendapat dan seterusnya keharmonian ummah dalam konteks yang lebih luas.

b. Syak, iaitu pengetahuan yang "*taraddud* antara dua pekerjaan bersamaan keduanya [antara jazam dan tidak], tiada lebih salah suatu daripada taulannya,[23] seperti menurut Dāwūd al-Faṭānī. Syak juga ialah "mendapatkan tiap-tiap daripada dua ternafi itu atas bersamaan,"[24] atau "mendapat tiap-tiap daripada dua *ṭaraf* itu atas bersamaan,"[25] seperti menurut Zayn al-ʻĀbidīn al-Faṭānī. Secara perbandingan, syak juga didefinisikan sebagai berbolak-balik di antara dua pandangan yang bertentangan tanpa ada tarjih ke atas mana-mana satu pendapat atau pandangan.[26] Dengan kata lain, syak berlaku apabila hati seseorang sentiasa berbolak-balik dalam membenarkan atau menolak gambaran mengenai sesuatu yang sampai kepadanya.

c. Waham, iaitu pengetahuan yang "berat sebelah tiada [jazam], ringan sebelah adanya [jazam],"[27] seperti menurut Dāwūd al-Faṭānī. Waham juga ialah pengetahuan yang "ringan hatinya pada mengetahui dan berat hatinya pada tiada mengetahui."[28] seperti menurut Zayn al-ʻĀbidīn al-Faṭānī. Secara berturutan daripada kefahaman terhadap konsep zan dan syak di atas, waham juga boleh dikatakan sebagai keraguan yang ada dalam hati kerana tiadanya keyakinan sama ada untuk menerima atau menolak sesuatu pengetahuan atau pandangan. Keadaan ini adalah turutan daripada menurunnya tahap keyakinan daripada zan kepada syak menuju ke arah kejahilan. Boleh juga difahami bahawa waham timbul secara bertentangan bagi keadaan zan.

d. Jahil, iaitu "tiada mengetahui sekali-kali,"[29] yang diistilahkan secara lebih khusus sebagai jahil basit, seperti menurut huraian Zayn al-ʻĀbidīn al-Faṭānī. Satu lagi tahap jahil yang diistilahkan sebagai jahil murakab didefinisikan oleh beliau sebagai

[23] Daud al-Fathani, *al-Durru al-Thamin*, 30.
[24] Zainul Abidin al-Fathani, *Aqidatun Najin*, 14.
[25] Zainul Abidin al-Fathani, *Aqidatun Najin*, 33.
[26] Al-Jurjāni, *al-Taʻrīfāt*, 132, entri *al-shakk*.
[27] Daud al-Fathani, *al-Durru al-Thamin*, 30.
[28] Zainul Abidin al-Fathani, *Aqidatun Najin*, 14 dan 33.
[29] Zainul Abidin al-Fathani, *Aqidatun Najin*, 13.

"mendapat atas bersalahan sifatnya pada *wāqi'* dan dinamakan dia dengan demikian itu kerana bersusunannya daripada dua jahil; pertama, jahil empunyanya dengan barang yang pada *wāqi'*; kedua, jahilnya dengan bahawasanya dirinya jahil kerana sangkanya bahawasanya ia yang mengetahui."[30] Dāwūd al-Faṭānī pula mendefinisikannya sebagai "jazam yang tiada muafakat bagi hak."[31] Secara perbandingan, jahil juga didefinisikan sebagai mempercayai sesuatu secara bertentangan dengan hakikat kebenarannya.[32] Dalam struktur kefahaman ini, jahil bukan sekadar tidak tahu, dengan maksud jahil ialah tiada langsung pengetahuan terhadap sesuatu, sebaliknya ia merujuk kepada sesuatu yang ada dalam fikiran (*annahu shay' fī al-dhihn*).[33] Secara umumnya, jahil boleh disandarkan kepada dua keadaan; pertamanya, sifat tidak tahu langsung mengenai sesuatu; dan keduanya, sangkaan yang bertentangan dengan kebenaran.

ii. Tepati hakikat, tanpanya sesuatu pengetahuan itu menjadi andaian persepsi sahaja. Apa yang dimaksudkan dengan menepati hakikat (*corresponds to the reality-truth*) ialah gambaran mengenai sesuatu yang sampai kepada seseorang menepati hakikat sesuatu yang digambarkan itu. Hal ini disebabkan boleh sahaja berlaku keadaan gambaran tadi tidak menepati perihal sebenar objek yang digambarkan itu. Di sini, perlu juga difahami bahawa apa yang dimaksudkan dengan "gambaran" adalah tasawur konseptual mengenai sesuatu, bukan gambaran fizikal.


Lanjutan daripada itu, boleh dihuraikan seterusnya bahawa proses mengetahui melibat ketibaan "gambaran", bukan "hakikat" ke dalam diri orang yang mengetahui.[34] Dengan kata lain, apabila seseorang mengetahui sesuatu, gambaran mengenai sesuatu itu yang masuk ke dalam hatinya, bukan benda itu sendiri. Jika tidak, mungkin timbul sangkaan bahawa pengetahuan seseorang mengenai Allah melibatkan "kemasukan" atau "ketibaan" Allah ke

---

30 Zainul Abidin al-Fathani, *Aqidatun Najin*, 13.
31 Daud al-Fathani, *al-Durru al-Thamin*, 30.
32 Al-Jurjāni, *al-Ta'rīfāt*, 184, entri *al-jahl*.
33 Al-Jurjāni, *al-Ta'rīfāt*, 184, entri *al-jahl*.
34 Wan Mohd Nor, *Masyarakat Islam Hadhari*, 52, "... ilmu ialah kesatuan antara orang yang mengetahui dengan makna, bukan antara orang yang mengetahui dengan sesuatu benda atau perkara yang diketahui."

dalam diri orang tersebut. Sebaliknya, seseorang yang mengenali Allah mempunyai "gambaran" atau tasawur konseptual mengenai Allah dalam hatinya.

Huraian di atas juga memberi pengajaran bahawa "hakikat" dan "gambaran" adalah dua perkara yang berbeza.[35] Hakikat adalah perkara yang wujud pada dirinya di luar daripada gambaran akal dan hati manusia serta bebas dan tidak terikat kepada pengetahuan manusia mengenainya. Manakala gambaran ilmiah manusia mengenai hakikat tadi, dalam konteks ini, sudah tentu bergantung kepada kerja akal dan hati manusia dalam mengetahuinya. Dengan itu, dapat difahami keperluan memastikan gambaran tersebut bertepatan perihalnya dengan hakikat yang merupakan perkara hakiki yang ingin diketahui. Sebaliknya, gambaran tersebut boleh jadi tidak bertepatan dengan hakikat perkara yang ingin diketahui.



Ketepatan dengan hakikat adalah elemen kedua yang mesti ada dalam membina gambaran ilmiah seseorang mengenai sesuatu. Dengan kata lain, kepercayaan secara yakin sahaja tidak memadai untuk menjadikan gambaran seseorang mengenai sesuatu sebagai ilmu. Hal ini disebabkan ada sahaja kepercayaan terhadap sesuatu yang tidak pun menepati hakikat sesuatu itu. Contohnya, gambaran mengenai Allah dalam kalangan sebahagian kecil Muslim yang mengandaikan Allah mempunyai wajah dan tangan seperti manusia. Walaupun ia mungkin dipercayai secara penuh keyakinan, apabila ia tidak menepati hakikat sifat Allah yang tidak menyerupai sesuatu apa pun, maka ia bukan suatu ilmu yang benar mengenai Allah.

iii. Hujah, tanpanya sesuatu pengetahuan itu menjadi taklid. Elemen hujah atau dalil merupakan penekanan yang diberikan

[35] Wan Mohd Nor, *Masyarakat Islam Hadhari*, 49, "... objek ilmu ialah sesuatu yang terpisah dan berdiri sendiri daripada ilmu itu sendiri."

oleh Dāwūd al-Faṭānī dan Zayn al-ʻĀbidīn al-Faṭānī dalam definisi mereka mengenai ilmu. Malah, dalam definisi kedua yang diberikan oleh Zayn al-ʻĀbidīn al-Faṭānī di atas, beliau tidak menyentuh soal dalil, apabila sekadar menyatakan bahawa ilmu adalah "mendapat akan sesuatu berbetulan dengan hakikatnya."[36] Demikian juga, pelbagai definisi lain yang direkodkan oleh al-Jurjānī, juga tidak menekankan aspek hujah.

Dengan itu, dapat diulas bahawa kewujudan hujah dalam kepercayaan secara yakin mengenai sesuatu yang bertepatan dengan hakikatnya, tidak semestinya menjadi unsur yang mesti ada dalam gambaran ilmiah terhadap sesuatu itu. Begitu pun, sudah tentu gambaran dan kepercayaan yang mempunyai hujah dan dalil mengukuhkan dan menyempurnakan lagi pengetahuan. Demikian juga, hujah sudah tentu dapat memastikan gambaran dan kepercayaan tadi bertepatan dengan hakikat sebenarnya.

Demikian tiga unsur yang dapat dirumuskan daripada pelbagai definisi ilmu yang diberikan oleh para ulama. Di sini, perlu disedari bahawa perbincangan mengenai tiga perkara di atas hanya mengambil sedikit sahaja daripada kefahaman terhadap konsep ilmu yang lebih menyeluruh dalam Islam. Selain ciri yakin, tepat dan hujah, definisi ilmu yang ada dalam tradisi Islam boleh juga dilihat sebagai suatu kognisi, proses, hubungan antara yang mengetahui dan yang diketahui, sifat orang yang mengetahui, ilham dan sebagainya.[37] Mengambil kira semua aspek ini membolehkan pencapaian kefahaman yang lebih sempurna dan pelaksanaan aplikasi ilmu menurut Islam yang lebih lengkap.

Ketiga-tiga perkara di atas, iaitu yakin, tepat dan hujah, boleh dianggap sebagai tungku yang membolehkan sesuatu berdiri dan dikenali sebagai ilmu. Kekurangan salah satu daripada tungku ini tidak membolehkan sesuatu pengetahuan berdiri sebagai ilmu yang hakiki. Sebaliknya, apa yang dianggap sebagai pengetahuan itu sebenarnya hanyalah sangkaan atau andaian atau taklid semata-mata. Rumusan ini perlu disedari dengan baik dalam usaha mengaplikasikan kefahaman falsafah dalam konteks kehidupan realiti. Jika tidak praktis yang baik tidak dapat dicapai tanpa kefahaman teoretikal yang sempurna.

---

[36] Zainul Abidin al-Fathani, *Aqidatun Najin*, 13.

[37] Lihat Rosenthal, *Knowledge Triumphant*, 52-69; Rosenthal, *Keagungan Ilmu*, 56-68; dan Osman, "Beberapa Aspek Falsafah Ilmu," 10-14.

Kesejahteraan Manusia daripada Aplikasi Falsafah Ilmu Islam

Perbincangan mengenai falsafah dan yang berbentuk kefalsafahan, sering dianggap hanya bersifat teoretikal semata-mata tanpa manfaat praktikal bagi tujuan kesejahteraan manusia. Falsafah diandaikan sebagai perdebatan melibatkan konsep-konsep abstrak yang terawang-awang di langit biru serta jauh daripada kesibukan harian dalam hidup ini. Lebih buruk lagi, wacana falsafah juga disangka hanya membawa kecelaruan pemikiran dalam membincangkan persoalan-persoalan yang memang sejak asalnya sudah membingungkan dan memeningkan akliah manusia. Semua ini dikatakan benar bagi seluruh bidang falsafah termasuk falsafah ilmu.

Bertentangan dengan persepsi negatif ini, disiplin falsafah mempunyai kepentingan asasi dan mendasar kepada manusia dan kehidupan serta kematiannya. Malah, kesejahteraan Muslim sebagai penganut agama Islam berdiri atas kefahaman hakikat ilmu yang benar, khususnya dalam menyemai dan membina teras akidah yang menunjang ke dalam hati sanubari. Ini terbukti secara ringkas daripada fakta bahawa ulama sendiri memulakan pembentangan akidah Islam dengan didahulukan penerangan mengenai falsafah ilmu, seperti yang telah dinukilkan secara panjang lebar di atas. Ini menunjukkan bahawa kefahaman terhadap falsafah ilmu menurut Islam membawa kesejahteraan kepada manusia.

Dalam ajaran Islam, perbincangan mengenai kesejahteraan manusia meliputi aspek kesejahteraan dunia dan Akhirat. Tanpa perhatian kepada kedua-dua aspek ini, kehidupan yang berlangsung tidak memberi makna kesejahteraan yang hakiki kepada manusia. Dalam pada itu, perimbangan bagi kedua-dua aspek dunia dan Akhirat tidak perlu dilakukan dengan cara menisbahkan perhatian antara pilihan dunia dan Akhirat. Maksudnya, dalam ajaran Islam, perhatian yang diberikan kepada persoalan keduniaan tidak semestinya bererti ia tiada kaitan dengan Akhirat, atau sebaliknya perhatian terhadap persoalan Akhirat tidak semestinya bererti ia tidak berguna kepada keduniaan. Bertentangan dengan sudut pandangan ini, Islam mengajar bahawa dunia adalah jambatan atau ladang bagi Akhirat. Dengan kata lain, apa sahaja yang dipercayai dan dilakukan dalam

kehidupan di dunia ini, jika ia mempunyai pandangan jangka panjang untuk faedah di Akhirat, maka aspek keduniaan itu turut sama membawa kesejahteraan di Akhirat.

Kesejahteraan Keduniaan daripada Aplikasi Falsafah Ilmu Islam

Berlatarbelakangkan keinsafan ini, elok dibentangkan dahulu kepentingan falsafah ilmu kepada kesejahteraan keduniaan bagi manusia. Hal ini disebabkan gambaran mengenai kesejahteraan dunia lebih mudah ditanggapi oleh manusia. Gambaran ini seterusnya menonjolkan bahawa falsafah ilmu memang mempunyai sudut aplikasinya yang praktikal kepada manusia, bukan sekadar suatu wacana teoretikal dan konseptual yang abstrak dan terawang-awang semata-mata.

Jika diambil contoh pemilikan harta seperti tanah, rumah dan kereta misalannya, falsafah ilmu mempunyai fungsi praktikal demi kesejahteraan manusia apabila diaplikasikan dengan baik. Bayangkan dalam hal pemilikan tanah, soalan-soalan berikut berfaedah secara praktikal untuk kesejahteraan pemiliknya. Pertama, adakah si pemilik tahu dengan yakin bahawa tanah itu miliknya atau milik siapa? Kedua, adakah keyakinan si pemilik bahawa tanah itu miliknya bertepatan dengan fakta seperti yang termaktub dalam pangkalan data pejabat tanah atau dalam rekod geran tanah? Ketiga, adakah pengetahuan si pemilik mengenai milikannya terhadap tanah tersebut mempunyai bukti seperti geran tanah atau seumpamanya?

Soalan-soalan yang muncul di atas adalah relevan kepada si pemilik tanah demi kesejahteraan pemilikan tersebut. Demikian juga halnya, setiap soalan itu boleh ditanyakan kepada pemilik rumah atau kereta atau sebarang harta lain. Jawapan yang konklusif bagi setiap soalan tersebut akan membawa ketenangan bagi pemilik harta berkenaan, seterusnya menjadikan diri, harta dan pemilikan tersebut suatu kesejahteraan dalam hidup. Sebaliknya, jika pengetahuan si pemilik mengenai milikannya tidak diasaskan kepada kesedaran terhadap falsafah ilmu, boleh jadi si pemilik hanya menyangka di memiliki sesuatu harta atas kepercayaan membuta-tuli terhadap orang lain, sedangkan hakikatnya harta tersebut bukan miliknya.

Mengambil asas hakikat ilmu yang pertama iaitu keyakinan, apabila diaplikasikan dalam konteks pemilikan harta, maka si pemilik mesti berasa yakin bahawa harta yang berada di tangannya adalah memang miliknya. Dalam hal ini, tidak dapat dinafikan ada orang yang memiliki harta tetapi tidak yakin bahawa harta tersebut adalah miliknya. Perkara sebegini boleh sahaja berlaku. Contohnya, ada orang yang tidak pasti sempadan tanah yang dibelinya, maka bahagian tersebut dibiarkan begitu sahaja tanpa diambil sebarang manfaat daripadanya. Sebaliknya, ada pula yang mengusahakan bidang tanah yang tidak diyakini menjadi miliknya, akhirnya mengakibatkan pertelagahan dengan pemilik tanah tersebut yang sebenar. Lebih buruk lagi, dalam konteks syariah Islam, rezeki yang diperolehinya hasil mengusahakan tanah yang bukan diyakini miliknya, sekurang-kurangnya menjadikan rezeki tersebut berstatus syubhah, kalaupun tidak haram sepenuhnya. Contoh mudah ini menunjukkan bahawa kefahaman mengenai hakikat falsafah ilmu yang pertama, iaitu keyakinan boleh memberi kesan bagi kesejahteraan manusia, hatta dalam soal pemilikan harta dunia.

Seterusnya, mengambil asas hakikat ilmu yang kedua iaitu bertepatan dengan hakikat kebenaran, apabila diaplikasikan dalam konteks pemilikan harta, maka si pemilik mesti mengetahui bahawa milikannya terhadap sesuatu harta adalah bertepatan dengan faktanya. Dalam hal ini, banyak sekali berlaku kejadian orang yang meyakini bahawa dia memiliki sesuatu harta, tetapi sebenarnya dia bukan pemilik yang sah kepada harta berkenaan. Contohnya, ada orang yang meyakini bahawa tanah atau rumah atau kereta yang didudukinya atau digunakannya selama ini adalah hak miliknya. Namun, apabila disemak secara telus, harta tersebut bukan milikannya yang sah. Tanah atau rumah yang didudukinya selama ini adalah milik orang lain seperti yang direkodkan dalam pangkalan data pejabat tanah atau rekod perjanjian tertentu. Demikian juga, kereta yang digunakan selama ini sebenarnya adalah hak milik bank tertentu yang telah menjual kereta tersebut kepada pemilik baru yang sah. Selain itu, ada juga kes pemilik harta yang yakin dengan milikannya berdasarkan suatu geran milikan yang ada padanya, tetapi faktanya geran tersebut adalah palsu dan tidak bertepatan dengan hakikat sebenarnya. Contoh mudah ini menunjukkan bahawa kefahaman mengenai hakikat

falsafah ilmu yang kedua, iaitu bertepatan dengan realiti boleh memberi kesan bagi kesejahteraan manusia, hatta dalam soal pemilikan harta dunia.

Tambahan kepada dua asas di atas, mengambil asas hakikat ilmu yang ketiga iaitu mempunyai hujah, apabila diaplikasikan dalam konteks pemilikan harta, maka si pemilik mesti mampu menunjukkan bukti bahawa harta yang dimilikinya memang miliknya secara sah. Dalam hal ini, banyak sekali orang yang yakin memiliki harta tertentu, malah milikan itu adalah benar sah, tetapi malangnya tidak mempunyai bukti seperti geran, rekod jual-beli, atau salinan daripada pangkalan data untuk membuktikan pemilikan tersebut. Contohnya, banyak sekali orang yang memiliki sesuatu harta tetapi tidak menyimpan sebarang rekod sebagai bukti bahawa harta tersebut adalah miliknya. Dalam keadaan ini, berkemungkinan sekali harta tersebut boleh dituntut oleh orang lain, atau digantung pemilikannya sehingga si pemilik tadi dapat menunjukkan bukti pemilikannya. Ini mengakibatkan kesukaran dalam kehidupan seharian, malah membantutkan usaha atau amalan mengambil manfaat daripada harta tadi. Sudah tentu kejadian sebegini menghilangkan kesejahteraan dalam pemilikan harta oleh si pemilik. Contoh mudah ini menunjukkan bahawa kefahaman mengenai hakikat falsafah ilmu yang ketiga, iaitu mempunyai bukti boleh memberi kesan bagi kesejahteraan manusia, hatta dalam soal pemilikan harta dunia.

Perbincangan secara mendalam dan terperinci, dengan contoh yang jelas di atas, menunjukkan bahawa falsafah ilmu berguna secara praktikal bagi kesejahteraan manusia, walaupun dalam konteks keduniaan semata-mata. Ini semua menonjolkan kepentingan menyedari falsafah ilmu menurut Islam, biarpun dalam perkara yang berkait dengan soal harta benda. Pembentangan di atas juga menafikan dakwaan bahawa falsafah dan falsafah ilmu bersifat teoretikal dan konseptual semata-mata tanpa sebarang kegunaan praktikal atau utilitarian. Cumanya, falsafah ilmu menurut Islam tidak pernah mengehadkan manfaat apa-apa sahaja bidang ilmu, termasuk ilmu falsafah, kepada faedah kebendaan semata-mata.

Kesejahteraan Keakhiratan daripada Aplikasi Falsafah Ilmu Islam

Selain tamsilan yang bersifat hubungan antara manusia dengan harta benda, kepentingan falsafah ilmu untuk kesejahteraan manusia juga dalam dilihat dalam konteks hubungan sesama manusia. Dalam konteks ini, boleh ditonjolkan suatu tamsilan apabila seseorang mendengar cerita mengenai seseorang yang lain. Maka, persoalan yang sama seperti yang ditanyakan di atas patut ditimbulkan kembali. Ketiga-tiga asas falsafah ilmu iaitu keyakinan, ketepatan dan berbukti mesti diaplikasikan kepada cerita mengenai orang tadi.

Dengan itu, mesti ditanyakan, pertamanya, adakah cerita tersebut boleh diyakini? Keduanya, adakah cerita itu bertepatan dengan fakta kejadian? Ketiganya, adakah wujud sebarang bukti bagi cerita tersebut? Ketiga-tiga soalan ini adalah relevan untuk memastikan kesejahteraan hubungan sesama manusia. Jika tidak cerita yang disampaikan daripada mulut ke mulut tersebut, hanya bersifat sangkaan fitnah, persepsi batil dan tohmahan membuta-tuli semata-mata. Cerita mengenai seseorang yang demikian sifatnya, hanya bakal menimbulkan porak-peranda dalam masyarakat, bukan kesejahteraan umum.

Berdasarkan ajaran Islam, perkara yang sedemikian bukan ilmu dan bukan pengetahuan. Lebih buruk lagi, ia bukan sahaja mengakibatkan kerosakan dalam kehidupan di dunia ini sahaja, malah ia boleh mengakibatkan balasan buruk daripada Allah di Akhirat kelak. Demikian buruknya kesan akibat pengabaian terhadap asas hakikat falsafah ilmu di kalangan manusia. Pengabaian terhadap kefahaman yang benar dan aplikasinya yang baik dalam kehidupan ini boleh mengakibatkan kerosakan di dunia dan azab seksa di Akhirat kelak.

Setakat ini, dapat diinsafi bahawa falsafah ilmu penting untuk diaplikasikan dalam kehidupan demi kesejahteraan manusia. Sekali lagi, keinsafan ini menafikan dakwaan bahawa falsafah hanya bersifat teoretikal dan konseptual semata-mata tanpa sebarang manfaat praktikal. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa masalah mengenai falsafah ilmu bukan pada diri falsafah ilmu itu sendiri, tetapi pada keupayaan manusia memahami falsafah ilmu dan pada kemahuan manusia mengaplikasikan falsafah ilmu dalam konteks kehidupannya yang bersesuaian. Jika salah faham ini

dapat diatasi, maka manusia mampu menuai kesejahteraan yang berkekalan daripada disiplin falsafah ilmu.

Lebih utama daripada konteks hubungan manusia dengan makhluk, kefahaman falsafah ilmu adalah penting dalam kesejahteraan hubungan antara manusia dengan Tuhan. Kepentingan falsafah ilmu dalam konteks penghayatan akidah ketuhanan ini dapat diperhatikan secara tersurat daripada kutipan yang telah dibuat daripada tulisan Dāwūd al-Faṭānī dan Zayn al-ʻĀbidīn al-Faṭānī di atas. Telah dinyatakan dengan terang dan jelas bahawa akidah ketuhanan yang tidak berdasarkan sifat ilmu yang benar, hanya menjadi zan atau syak wasangka sahaja. Kepercayaan tanpa ilmu juga boleh menjadi taklid semata-mata. Malah, lebih buruk lagi, ia boleh mengakibatkan seseorang terjerumus ke lembah kekufuran. Sekiranya semua ini berlaku, ia bukan suatu bentuk kesejahteraan hakiki bagi manusia. Semua ini adalah akibat daripada pengabaian terhadap falsafah ilmu.

Sebagai tambahan, elok ditimbulkan di sini beberapa soalan yang bersumberkan kesedaran terhadap falsafah ilmu menurut Islam. Soalan-soalan ini berfaedah bagi menyedarkan lagi orang awam mengenai falsafah ilmu. Antara yang utama, boleh ditanyakan: Adakah kita yakin bahawa ibu kita itu benar-benar ibu kita? Adakah keyakinan kita itu bertepatan dengan hakikatnya, di mana orang yang kita andaikan sebagai ibu kandung itu bukan ibu angkat, ibu susuan atau ibu tiri kita? Adakah kita mempunyai sebarang bukti bahawa ibu kita itu memang ibu kita, di mana kita sudah tentukan kesahihan dokumen kelahiran seperti sijil lahir kita adalah asli dan bukan palsu? Adakah ilmu kita mengenai ibu kita itu benar-benar ilmu, di mana kita boleh menegaskan bahawa mustahil berlakunya suatu hari di mana ibu kita memberitahu kita bahawa dia hanyalah ibu angkat atau ibu susuan atau ibu tiri, manakala ibu kandung yang melahirkan kita telah meninggal atau mengabaikan kita, dan sijil kelahiran kita hanyalah dokumen palsu sahaja? Adakah ilmu kita mengenai hubungan kita dengan ibu yang kita anggap ibu kandung kita itu suatu keyakinan, bertepatan dengan realitinya dan mempunyai bukti yang tidak boleh dinafikan lagi? Soalan-soalan ini adalah menarik untuk disedari dan diinsafi kepentingan aplikasi falsafah ilmu demi ketenangan hati sanubari dan kesejahteraan manusia.

Penutup

Makalah ini membentangkan secara mendalam dan terperinci berserta contoh yang relevan mengenai falsafah ilmu dan kepentingan mengaplikasikannya dalam kehidupan demi kesejahteraan manusia. Ruang lingkup falsafah ilmu yang dibincangkan dalam makalah ini hanyalah aspek takrif ilmu sahaja, yang dinukilkan daripada tulisan Dāwūd al-Faṭānī dan Zayn al-ʻĀbidīn al-Faṭānī. Pembentangan dua tokoh ulama ini mengenai takrif ilmu dapat dirumuskan kepada tiga asas utama iaitu keyakinan, ketepatan dan berbukti.

Aspek definisi ini bukan perkara remeh yang boleh diabaikan begitu sahaja. Sebaliknya, perbincangan yang dilakukan menunjukkan bahawa definisi ilmu mesti dihayati oleh semua manusia, khusus umat Muslimin, agar kesejahteraan dunia dan Akhirat dapat kecapi. Dalam pada itu, pembentangan yang dilakukan menonjolkan sifat praktikal dan kegunaan falsafah ilmu apabila diaplikasikan dalam konteks yang sesuai. Oleh itu, dapat disimpulkan akhirnya bahawa falsafah ilmu perlu diaplikasikan dalam kehidupan ini demi kesejahteraan manusia.

Bibliografi

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, *Islam and Secularism* (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization, 1993).

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, *Prolegomena to the Metaphysics of Islam* (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization, 1995).

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, *Risalah untuk Kaum Muslimin* (Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran Dan Tamadun Islam, 2001).

Daud bin Abdullah al-Fathani, *al-Durru al-Thamin: Permata yang Indah*, dirumikan oleh Noraine Abu dan Mashadi Masyuti (Batu Caves: Al-Hidayah, 2011).

Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad, *Iḥyā' ʻUlūm al-Dīn* (al-Qāhirah: Dār al-Shaʻb, t.t.).

Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad, *al-Risālah al-Ladunniyyah*, dalam *Majmūʻah Rasā'il al-Imām al-Ghazālī* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʻIlmiyyah, t.t.), hh. 3:57-74.

Isma'il bin Abdul Qadir al-Fathani, *Syarah Bakurah al-Amani* (Batu Caves: Al-Hidayah, 2013).

Al-Jurjāni, Abū al-Hasan 'Ali bin Muhammad, *al-Ta'rīfāt* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000).

Al-Kindī, Abū Yūsuf Ya'qūb bin Isḥāq al-Ṣabbāḥ, *Fī al-Falsafah al-Ūlā*, dalam ed. Muḥammad 'Abd al-Hādī Abū Rīdah, *Rasā'il al-Kindī al-Falsafiyyah* (al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-'Arabī, 1950).

Al-Mahdilī, Muḥammad 'Aqīl bin 'Alī, *Madkhal ilā al-Falsafah* (al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 1993).

Al-Mubārakfūrī, Muḥammad 'Abd al-Raḥmān bin 'Abd al-Raḥīm, *Tuḥfah al-Aḥwadhī bi-Sharḥ Jāmi' al-Tirmidhī*, ed. 'Abd al-Raḥmān Muḥammad 'Uthmān (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1979).

Osman Bakar, "Beberapa Aspek Falsafah Ilmu: Konsep, Definisi, Pengelasan dan Penggunaan," *Kesturi: Jurnal Akademi Sains Islam Malaysia* 5, no. 2 (Disember 1995), hh. 7-25.

Al-Rāzi, Fakhr al-Dīn Muḥammad bin 'Umar, *al-Kāshif 'an Usūl al-Dalā'il wa Fuṣūl al-'Ilal* (Bayrūt: Dār al-Jīl, 1992).

Rosenthal, Franz, *Keagungan Ilmu*, terj. Syed Muhammad Dawilah Syed Abdullah (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1997).

Rosenthal, Franz, *Knowledge Triumphant: the Concept of Knowledge in Medievel Islam* (Leiden: Brill, 2006).

Al-Tirmidhī, Abū 'Īsā Muḥammad bin 'Īsā, *Jāmi' al-Tirmidhī*, dalam ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh, *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah* (al-Riyāḍ: Dār al-Salām, 2000).

Wan Mohd Nor Wan Daud, *Masyarakat Islam Hadhari* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2006).

Zainul Abidin bin Muhammad al-Fathani, *Aqidatun Najin*, dirumikan oleh Noraine Abu (Batu Caves: Al-Hidayah Publications, 2011).